

09/05/2000

Calon sogok wang belum tentu dipilih perwakilan

KUALA LUMPUR, Isnin - Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, yakin calon yang membeli undi perwakilan tidak akan dipilih pada perhimpunan agung parti bermula Rabu ini.

"Dalam keadaan sekarang, kalau bagi wang pun tak tentu (menang), iaitu orang yang diberi ini akan mengundi dia...mana ada kepastian. Lebih baik tak bagi.

"Kalau wakil itu boleh menerima daripada seseorang, dia boleh menerima daripada yang lain. Jadi kesudahannya dia hendak bagi pada siapa (undinya) kerana dia akan menerima (wang) daripada semua orang... hasrat calon yang nak beli (undi) tidak akan tercapai.

"(Justeru) Siapa yang menggunakan wang, tidak akan menang!" tegasnya ketika ditemui selepas meninjau persiapan perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kegiatan politik wang yang dipercayai masih giat berlaku, walaupun selepas Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarah semua perwakilan yang berada di ibu kota pulang ke daerah masing-masing.

Semalam, Dr Mahathir berkata, beliau masih menerima laporan bahawa kegiatan menyogok wang masih berlaku dan kini dikesan di peringkat negeri.

Khalil berkata, berikutan pemantauan ketat yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur, tidak ada kegiatan yang mencerminkan pemberian wang dikesan dalam tempoh sehari dua ini.

"Kita ada cara untuk mengenal pastinya," katanya sambil menasihatkan perwakilan Umno yang akan mula membanjiri ibu negara mulai esok, supaya melaporkan sebarang kegiatan seperti 'mengetuk pintu' di tengah malam terutama menjelang pemilihan.

"Orang yang pintunya diketuk boleh lapor. Kalau dia tengah tidur, ada orang kejutkan dia...kalau dia rasa tidak puas hati laporlah.

"Tetapi saya rasa tidak sampai ke situ," katanya ketika diminta mengulas kejadian yang didakwa pernah berlaku pada pemilihan 1993 dan 1996.

Setiausaha Agung yang kali pertama mengendalikan pemilihan peringkat tertinggi parti, berkata setakat ini Ibu Pejabat Umno lebih banyak menerima aduan berbentuk lisan yang menyukarkan pihaknya mengambil tindakan tegas membabitkan kegiatan politik wang.

"Bagi saya kejadian kali ini menjadi pengajaran kepada semua pihak. Saya rasa gejala politik wang akan berkurangan kerana yang penting perwakilan sudah melihat kesungguhan presiden (parti) untuk membanteras politik wang.

"Saya rasa mesej itu sudah sampai kepada semua orang," tegasnya.

(END)